

CABARAN PELAJAR DALAM PEPERIKSAAN SECARA ATAS TALIAN BAGI KURSUS PERAKAUNAN

Wan Mardiyatul Miza Wan Tahir & Ja'izah Abdul Jabar

Pandemik Covid-19 telah memberi kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Malaysia secara keseluruhannya daripada peringkat sekolah sehinggalah di peringkat institusi pengajian tinggi. Universiti Teknologi Mara (UiTM) secara rasminya menggunakan mod pembelajaran terbuka dan jarak jauh atau *Online Distance Learning (ODL)* sepenuhnya bermula semester Mac 2020 yang lepas sehinggalah semester Mac 2021 tahun ini. Bukan sahaja proses PdP yang dilaksanakan secara maya atau atas talian malahan proses penilaian seperti kuiz, ujian, tugas bertulis dan pembentangan lisan serta peperiksaan akhir juga dijalankan secara jarak jauh dan di atas talian.




Pelbagai isu yang menjadi cabaran kepada pihak universiti untuk memastikan perjalanan proses penilaian dan peperiksaan yang dijalankan setanding kualiti peperiksaan secara konvensional. Di antaranya adalah dalam memastikan soalan penilaian dan peperiksaan yang disediakan mencapai standard piawaian dan jadual spesifikasi ujian yang telah ditetapkan, tiada kebocoran soalan, isu plagiat, medium atau platform peperiksaan secara atas talian yang diguna pakai sehinggalah mengenal pasti tahap capaian internet pelajar itu sendiri.

Pelbagai latihan kepada pensyarah disediakan oleh pihak universiti serta pendekatan pihak pentadbir akademik dalam mengurangkan risiko berkaitan isu-isu penilaian dan peperiksaan. Contohnya dalam isu plagiat, pelajar dikehendaki menandatangani ikrar integriti sebelum menduduki peperiksaan.

Walaupun bagaimanapun, artikel ini melihat daripada perspektif pelajar, apakah pula cabaran pelajar itu sendiri ketika mereka menduduki peperiksaan secara jarak jauh dan di atas talian. Terutamanya bagi kursus seperti perakaunan yang memerlukan pelajar memahami konsep, aplikasi konsep, melibatkan pengiraan, penyelesaian masalah dan kemahiran kognitif yang tinggi. Lebih-lebih lagi bagi pelajar jurusan bukan perakaunan tetapi perlu mendaftar kursus perakaunan sebagai syarat pengajian mereka. Jadi, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti cabaran pelajar jurusan bukan perakaunan dalam menduduki peperiksaan kursus perakaunan di atas talian dan secara jarak jauh.




Kaji selidik secara tinjauan telah dilaksanakan pada bulan Februari 2021 kepada sejumlah 150 orang pelajar daripada Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) yang sudi mengambil bahagian. Rajah berikut adalah data demografi responden:



Rajah 1: Maklumat Demografi Responden

Majoriti responden adalah terdiri daripada pelajar perempuan memandangkan jurusan berkaitan sains sosial dikuasai oleh kaum wanita sejajar dengan program pengajian yang ditawarkan di FSPPP. Lebih daripada separuh responden berumur dalam lingkungan 21 tahun ke 30 tahun. Nisbah responden bagi diploma dan ijazah adalah agak seimbang iaitu 52:48 di mana majoritinya terdiri daripada pelajar sepenuh masa bagi kedua-dua program. Seterusnya lokasi bagi pelajar-pelajar menunjukkan hanya 15% pelajar berada di kawasan perkampungan atau pedalaman. Soal selidik berkaitan cabaran peperiksaan di atas talian dan secara jarak jauh diedarkan menggunakan *Google Forms*. Responden dikehendaki memberi penilaian setiap cabaran mengikut skala 1 hingga 5. Skala 1 menandakan tidak mencabar sehingga skala 5 menandakan sangat mencabar. Senarai cabaran tersebut adalah hasil daripada maklum balas pelajar ketika disoal secara tidak formal di dalam kelas. Rajah berikut adalah skor daripada soal selidik cabaran pelajar ketika menduduki peperiksaan secara atas talian dan jarak jauh merujuk kepada nilai purata atau *Mean*:



Rajah 2 : Skor *Mean* bagi Cabaran Pelajar dalam Menduduki Peperiksaan Secara Atas Talian dan Jarak Jauh

Bagi tujuan perbincangan kepada hasil soal selidik tersebut, hanya lima cabaran yang mendapat skor tertinggi akan diuraikan. Skor pengurusan masa iaitu 3.77 daripada 5 (75%) merupakan cabaran utama bagi pelajar diikuti oleh cabaran untuk menghantar jawapan peperiksaan tepat dalam masa yang ditetapkan iaitu 3.69 (74%). Berbanding peperiksaan secara konvensional di dalam dewan peperiksaan, pelajar mungkin lebih berwaspada dengan masa kerana suasana peperiksaan bersama pelajar-pelajar lain. Manakala, cabaran menghantar jawapan peperiksaan tepat pada masa, selain berkait rapat dengan pengurusan masa, ia juga

berkaitan dengan proses menukar jawapan mengikut format yang ditetapkan oleh pensyarah. Kemudiannya ia bergantung pula kepada sambungan atau jaringan internet pelajar untuk memuat naik jawapan mereka. Oleh itu, cabaran pelajar seterusnya adalah berkait dengan jaringan internet ($3.48 = 70\%$) dan diikuti dengan cabaran persekitaran ketika menduduki peperiksaan ($3.46 = 69\%$). Seterusnya, cabaran skor kelima tertinggi pelajar adalah memahami arahan peperiksaan secara atas talian ($3.33 = 67\%$). Memandangkan kursus perakaunan bukan sahaja melibatkan teori malahan melibatkan pengiraan dan penyediaan laporan dalam format seperti penyata kewangan, berkemungkinan arahan peperiksaan agak terperinci bergantung kepada format soalan peperiksaan dan medium. Jadi, mungkin ini menjadi salah satu faktor pelajar merasakan arahan peperiksaan agak sukar untuk difahami berbanding peperiksaan konvensional yang arahan dan formatnya sentiasa konsisten.



Kesimpulan secara keseluruhannya, cabaran terbesar pelajar dalam menduduki peperiksaan secara atas talian dan jarak jauh bagi kursus perakaunan seperti yang dijangka adalah berkaitan masa. Selain itu, didapati majoriti pelajar adalah generasi milenia dan generasi z ($>85\%$) dan skor cabaran berkaitan teknikal dan teknologi adalah antara yang terendah menandakan ia kurang mencabar. Ini menunjukkan, pelajar-pelajar ini dengan mudah menyesuaikan diri dengan norma baharu PdP dan ODL. Namun, di sebalik cabaran tersebut, ada banyak kelebihan pelajar dalam menduduki peperiksaan secara atas talian dan jarak jauh, seperti *open-book* dan agak fleksibel dari segi lokasi, tidak tertakluk dengan peraturan-peraturan peperiksaan yang lain seperti pakaian, slip peperiksaan dan sebagainya. Akhir kata, kajian ini dijalankan secara santai sahaja sebagai perkongsian maklumat dan terdapat pelbagai had dari segi kajian ilmiah.